

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/1998

BAYARAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA PENEROKA-PENEROKA DALAM RANCANGAN PEMULIHAN TANAH (R.P.T) KESEDAR

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang kertas MMK.Bil 17/374/96(18) dalam sidangnyanya yang bertarikh 5hb. Jun 1996 telah membuat keputusan supaya garis panduan berikut digunakan di dalam pemberian milik tanah R.P.T KESEDAR.

- 1.1 Garis panduan yang telah ditetapkan adalah sebagaimana berikut:-

- 1.1.1 Kadar Premium :

Hendaklah mengikut sebagaimana yang terdapat dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

- 1.1.2 Cukai Tahunan:

Hendaklah mengikut sebagaimana yang terkandung di dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

1.1.3 Lain-lain Bayaran Pejabat:

Hendaklah mengikut sebagaimana yang terkandung di dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

1.1.4 Syarat-syarat Lain :

Masih kekal sebagaimana syarat yang terdapat dalam Pekeliling PTG. 3/75 sejauhmana ianya tidak bercanggah dengan Pekeliling-Pekeliling atau Arahan-Arahan PTG yang terkini. Sekiranya terdapat percanggahan, item di dalam Pekeliling PTG.3/95 itu menjadi batal.

1.1.5 Sekatan Kepentingan Dan Tempoh Pajakan

Sekatan Kepentingan dan tempoh pajakan sebagaimana di dalam Pekeliling PTG.Bil.1/1997.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG.Bil. 3/75 dan 1/97 dan hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh pekeling ini dikeluarkan.

t.t

(Dato' Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang, Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan
8. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN.4485/(93)

**BERTARIKH : 16 RAMADAN 1418
15 JANUARI 1998**